

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 APRIL 2016

# Cabar Dr. M umum calon PM, TPM

**KUALA LUMPUR 23 April** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dicabar untuk mengumumkan calon-calon pilihan beliau sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad berkata, pengumuman itu akan menamatkan segala spekulasi yang mendakwa Dr. Mahathir sedang membuka laluan untuk anaknya yang juga bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz.

Beliau turut mempersoalkan mengapa Dr. Mahathir selalu mengelak daripada menjawab isu tersebut serta tentang perancangannya terhadap masa depan Mukhriz dalam politik.

"Sekiranya Dr. Mahathir mahu rancangannya untuk menjatuhkan Perdana Menteri mempunyai kredibiliti, beliau mesti menjawab secara telus tentang siapakah calon yang akan menggantikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Jika beliau masih enggan ber-

buat demikian, Dr. Mahathir mesti menghentikan rancangannya dan menjalani persaraannya sebagai seorang negarawan yang dihormati," katanya dalam kenyataan melalui laman Facebook rasmi Jabatan Perdana Menteri hari ini.



TENGGU SARIFFUDDIN



MUKHRIZ MAHATHIR

Mukhriz dalam kenyataan melalui laman blog *Mukhriz Mahathir FC* (<http://www.mukhrizmahathirfc.com>) semalam menyatakan beliau akan memfailkan saman terhadap Tengku Sariffuddin sekiranya Setiausaha Akhbar Perdana Menteri itu tidak menarik balik kenyataan mendakwa Dr. Mahathir menjanjikan jawatan Perdana Menteri kepada bekas Menteri Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Tengku Sariffuddin mendakwa, Dr. Mahathir berbuat demikian dengan syarat Muhyiddin akan membimbing

Mukhriz sebelum mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada beliau.

Beliau turut mempersoalkan mengapa Mukhriz bertanding



  
 SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.47	7.04	1.14	4.29	7.20	8.31
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.50	7.07	1.19	4.33	7.26	8.36
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.42	7.00	1.09	4.24	7.14	8.25
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.41	6.58	1.06	4.22	7.09	8.20
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.15	6.33	12.41	3.57	6.45	7.55

jawatan Naib Presiden UMNO pada 2013 sekiranya bekas Menteri Besar Kedah itu tidak berniat untuk menjadi Perdana Menteri.

"Semua orang yang terlibat dalam politik di Malaysia tahu sesiapa yang ingin menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri perlu menjadi Naib Presiden UMNO terlebih dahulu," jelasnya.

Tengku Sariffuddin menambah, Mukhriz mungkin memberi alasan tersebut kerana beliau tewas dalam persaingan merebut jawatan Naib Presiden UMNO semasa pemilihan parti tiga tahun lalu.